

Cadangan tempatkan pekerja asing satu tempat langkah baik – Abdullah

um - 23/2/2007.

JAKARTA 22 Feb. – Cadangan untuk menempatkan pekerja asing di satu tempat supaya mudah diawasi merupakan satu langkah yang baik untuk mengurangkan kadar jenayah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, pihak majikan bagaimanapun perlu mendapatkan cadangan daripada pihak polis tentang pelaksanaannya.

Menurutnya, jika majikan mengambil berat terhadap pekerja asing, mereka boleh menyediakan tempat penginapan khas di kawasan kilang bagi memudahkan membuat pemeriksaan.

“Mereka (majikan) perlu berbincang dengan polis dan jika ia membawa kebaikan apa salahnya kita cuba laksanakan,” katanya kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan kerjanya ke Jakarta hari ini.

Abdullah berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan mewajibkan majikan menyediakan rumah kediaman yang sesuai kepada semua pekerja asing yang bekerja di negara ini.

Menurut Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Seri Nona Suciati Ahmad, cadangan itu akan dilaksanakan setelah Rang Undang-undang Pekerja Asing diluluskan di Parlimen tidak lama lagi.

Sebelum itu Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan meminta pihak kontraktor

atau majikan menempatkan pekerja asing di satu tempat yang khusus bagi memudahkan setiap perjalanan keluar masuk direkod.

Bagaimanapun menurut Perdana Menteri, sekiranya peraturan itu membebankan hingga kebebasan pekerja asing itu tersekat, wajar diteliti cara-cara lain yang boleh dilaksanakan.

Menurutnya, penempatan pekerja asing itu bukan merupakan tempat kurungan tetapi untuk menjaga keselamatan pekerja tersebut selain memudahkan pengawasan.

Sementara itu, Abdullah berkata, pasukan pengintip tidak perlu ditubuhkan untuk mencegah maksiat walaupun setiap negeri mempunyai bidang kuasa undang-undang di bawah Jabatan Agama Islam.

“Saya rasa tak payah, kenapa nak wujudkan orang (kumpulan pengintip) bagi mengintip dan selepas itu nak bagi habuan pula,” katanya.

Beliau mengulas keputusan kerajaan Terengganu mempertahankan tindakannya menggunakan khidmat individu tertentu sebagai pemberi maklumat kepada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu (JHEAT) bagi mengatasi kes maksiat di negeri tersebut.

– Utusan



ABDULLAH Ahmad Badawi dan Najib Tun Razak bersama para penerima cenderahati pertandingan menamakan bendera UMNO serta beberapa pemimpin UMNO di Menara Dato' Onn PWTC, Kuala Lumpur, malam tadi.

– Gambar ZHAFARAN NASIB